

Ikan belukang Abdul Razak bernilai RM20,000

UM 20/10/2023 M/S 14

PONTIAN: Tuah nyata menyebelahi seorang pemandu apabila membawa pulang hadiah utama Cabaran Memancing Rambah berupa wang tunai RM20,000 sempena Festival D' Kukup di pantai Rambah, di sini.

Abdul Razak Abdullah, 45, yang tinggal di Pasir Gudang menewaskan 1,200 pemancing lain apabila berjaya menaikkan ikan belukang seberat 1.705 kilogram pada pukul 10.44 pagi setelah menanti dengan sabar dalam keadaan hujan lebat, namun tetap tidak berganjak dari lokasi pertandingan.

Dengan menggunakan umpan udang, kemenangan itu adalah yang pertama diraihnya walaupun sering menyertai pertandingan sebelum ini.

“Saya pertama kali menyertai pertandingan di sini sambil ditemani isteri, Asih Trisumantri,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* selepas menerima hadiah yang disampaikan Ketua Penolong Pegawai Daerah Pontian, Azmee Awang.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kukup, Datuk Jefridin Atan.

Abdul Razak yang berasal dari Sarawak mengakui tidak mempunyai sebarang petua bagi menewaskan ikan belukang yang membawa tuah kepadanya.

“Tiada sebarang rahsia dan petua, hanya berdoa seperti orang lain dan memang telah rezeki saya yang datang ke sini selepas solat subuh,” katanya yang rancang pulang ke Sarawak.



ABDUL RAZAK Abdullah (dua dari kiri) menerima replika cek RM20,000 daripada Azmee Awang sebagai juara Cabaran Memancing Pantai Rambah sambil diperhatikan Jefridin Atan sempena Festival D' Kukup, Pontian.